





Tanggungjawab Majikan Terhadap Pekerja Asing Dibawah Jaminannya

7



Jika tempat penginapan terlalu ramai (Overcrowded), majikan hendaklah memindahkan pekerja ke kediaman bersesuaian menurut piawaian Jabatan Buruh.

1



Menyediakan tempat kediaman dan hendaklah memastikan sentiasa dalam keadaan bersih.


6



Memaklumkan kepada Jabatan Buruh tentang sebarang pemindahan kediaman pekerja.




2




Mempastikan pekerja-pekerja mematuhi SOP Kementerian Kesihatan.

5




Pekerja hendaklah di vaksinasi.

4



Mengadakan ujian Antigen Rapid Test (ART) sekali setiap dua minggu.

3




Menyediakan tempat berasingan bagi pekerja yang sihat dan yang menjalani Perintah Kuarantin (Quarantine Order, QO).

Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi:



Hotline Jabatan Buruh

7298989



led@buruh.gov.bn



Perintah Pekerja 2009

BAB 80

Tiap tiap majikan yang berjanji untuk menyediakan tempat tinggal bagi pekerja buruh yang digaji sama ada olehnya atau oleh orang lain yang dengannya dia telah membuat suatu kontrak perkhidmatan hendaklah menyediakan dan menyelenggarakan bagi pekerja buruh itu dan tanggungannya -

- (a) tempat tinggal yang bersih yang mencukupi dan sempurna;
- (b) bekalan air selamat diminum yang mencukupi; dan
- (c) penyusunan kebersihan yang mencukupi dan sempurna.



BAB 81



(1) Semua tempat tinggal yang disediakan hendaklah dibina menurut peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang lain.

(2) Semua tempat tinggal tersebut hendaklah diselenggarakan dan sentiasa berkeadaan bersih menurut peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang lain.



DENDA

Jika majikan didapati melanggar Perintah Pekerja 2009 yang berkaitan dengan penginapan pekerja boleh diambil tindakan seperti berikut:

Kesalahan Pertama:

\$600

Kesalahan Kedua:

\$900

Kesalahan Seterusnya:

Denda tidak melebihi **\$3000**

Dihukum penjara suatu tempoh tidak

melebihi **1 Tahun**

atau

Kedua-duanya Sekali



Kesalahan Melanggar Arahan Berada di Rumah antara jam 8 malam hingga 4 pagi (OPS PULIH)

Majikan akan dikenakan denda kompaun pada setiap pekerja asing yang melanggar larangan keluar rumah.



MAJIKAN

\$500.00



PEKERJA ASING

\$500.00
Setiap Seorang